

Siap sedia raih manfaat, tangkis risiko teknologi 5G

Kehadiran teknologi jaringan tanpa wayar Generasi Kelima (5G) berpotensi besar mewujudkan industri baharu membawa manfaat besar kepada ekonomi negara. Dijangkakan, ia akan mula dinikmati di negara ini secara berperingkat menjelang hujung tahun ini.

Dengan pelaksanaannya itu, masalah gangguan talian dan rangkaian internet yang sering menjadi rungutan pengguna dapat dikurangkan. Persoalannya, bersedialah rakyat ke arah sistem rangkaian serba moden dan canggih ini?

Bermula Oktober 2019 hingga Jun 2020, dianggarkan RM143 juta dilaburkan kerajaan bagi menjalankan projek demonstrasi 5G di seluruh negara membabitkan pelbagai kajian kes seperti pertanian pintar, lapangan terbang pintar, pelancongan maya, lampu trafik pintar, penjagaan kesihatan dan bandar pintar.

Kesungguhan kerajaan melaksanakan 5G sewajarnya membuka mata semua pihak untuk bersiap siaga dari segi mental, fizikal dan pengetahuan ke arah permodenan kerana teknologi ini bergerak pantas serta memberi impak besar dalam semua aspek kehidupan.

Secara umumnya, teknologi 5G mampu mencapai kelajuan melebihi 1 gi-

gabit sesaat (Gbps) berbanding purata 16.8 megabit sesaat (Mbps) bagi kelajuan maksimum teknologi 4G sekarang.

Dengan kelajuan tinggi, ia membantu pengguna menikmati tempoh muat turun pantas membabitkan fail besar, kandungan jarak dinamik tinggi (HDR) dalam format definisi tinggi secara lancar walaupun dalam kaedah penstriman.

Keupayaan teknologi ini secara tidak langsung dapat memacu pelaburan dalam inovasi baharu menerusi kepanantasan drastik memungkinkan pemindahan teknologi, sekali gus mencipta lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), pelaksanaan teknologi 5G dijangka menyumbang sehingga lebih RM12.7 bilion kepada ekonomi negara antara 2021 hingga 2025.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika melancarkan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital), 19 Februari lalu, menekankan Malaysia berhasrat menjadi negara pertama di rantau ini membina ekosistem 5G menggunakan internet dan perkhidmatan awam dalam masa sebentar bagi membolehkan maklumat dikongsi serta-merta.

Bagi mewujudkan ekosistem 5G dinamik, Perdana Menteri menegaskan kerajaan menggariskan empat jenis prasarana digital penting untuk dibina.

Pertama, RM21 bilion akan dilabur sepanjang lima tahun menerusi projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi mantapkan kesalinghubungan sedia ada.

Kedua, sejumlah RM1.65 bilion akan dilaburkan beberapa syarikat telekomunikasi untuk memantapkan sambungan ke jaringan kabel dasar laut antarabangsa hingga 2023.

Ketiga, RM15 bilion akan dilaburkan sepanjang 10 tahun untuk pelaksanaan 5G ke seluruh negara membabitkan lebih kurang 105,000 peluang pekerjaan.

Keempat, antara RM12 bilion hingga RM15 bilion akan dilaburkan syarikat penyedia perkhidmatan awan (CSP) dalam tempoh lima tahun akan datang.

Bersandarkan inisiatif terbabit dan jika pelaksanaannya dapat berjalan baik, tidak mustahil Malaysia bakal menjadi antara negara meneraju 5G di pentas global setanding Amerika Syarikat AS, China, Jepun dan Korea Selatan.

Namun, masih ada segelintir yang bimbang kesan buruk teknologi 5G seperti dakwaan boleh membahayakan kesihatan termasuk sebabkan kanser.

Oleh itu, kerajaan perlu memberi penjelasan dari semasa ke semasa berkaitan kesan teknologi 5G terhadap kesihatan manusia, termasuk mengemukakan data komprehensif daripada kajian di luar negara.

Walaupun 5G didakwa tidak mudah digodam, ada pihak tertentu memberi amaran ia bakal menjadi kaedah pengintipan siber dan pencerobohan digital. Se jauh manakah kebenarannya, perlu dikaji.

Walau apapun risikonya, kerjasama semua pihak termasuk agensi kerajaan dan penggiat telekomunikasi penting untuk memastikan apa direncanakan berjalan, sekali gus memberikan negara kelebihan untuk melaksanakan internet benda (IoT) dan kecerdasan buatan (AI) dalam menuju Revolusi Industri Keempat (IR 4.0).

Usah terperanjat jika suatu masa nanti melalui teknologi 5G Malaysia mampu mentransformasikan kaedah rawatan perubatan cara baharu seperti menggunakan robot kawalan jauh.

Justeru, menjadi harapan supaya tiada tercicir dalam arus teknologi global.

Mohd Salleh Osman,
Presint 16, Putrajaya